

08/04/2003

Syed Razak perlu diberi peluang tunjuk kewibawaan

Satria Waja

APABILA ada daya usaha secara perancangan teliti oleh kepimpinan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, untuk melakukan transformasi

pembangunan negeri dari sebuah agraria yang 27 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) disumbangkan hasil kegiatan pertanian kepada sebuah negeri maju yang ada asas perimbangan, ramai pihak cemburu kepimpinan beliau hingga sanggup membuat tanggapan negatif.

Tidak salah, jika mahu membuat kritikan bernas yang mampu mengukuhkan asas Pelan Tindakan Kedah Maju 2010, namun kritikan yang dilemparkan termasuk daripada bekas menteri besar terdahulu dilihat ada maksud di sebaliknya.

Jika pandangan itu dikemukakan hanya kerana cemburu di atas kegigihan dan kerja keras Syed Razak yang mana kesan pembangunan fizikal dan spiritual boleh dilihat dengan nyata, tampak benarlah bahawa pihak yang tidak senang itu mempunyai agenda atau motif politik mereka yang tersendiri.

Ini termasuklah tuduhan berhubung isu pembalakan dan pengurusan air di Kedah. Dalam masalah balak misalnya, cadangan kerajaan negeri bukanlah mahu menebang 400,000 hektar kayu balak di kawasan tadahan sekali gus, sebaliknya hanya mahu membuang kayu balak yang sudah hampir tumbang dan berusia hampir 65 tahun supaya dapat memberi hasil kepada kerajaan negeri.

Kayu yang ditebang dan hampir tumbang akan diangkat menggunakan 'helikopter' menerusi teknologi 'helley harvester' supaya kesan pencemarannya bersifat minimum serta cadangan itu tertakluk kepada kelulusan laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA).

Ini bermakna kerajaan negeri tidak gelojoh untuk mengambil balak berkenaan, cuma mencari pendekatan terbaik bagaimana kawasan tadahan hujan

itu mampu memberi sedikit pulangan bagi tujuan pembangunan negeri.

Begitu juga isu pengurusan bekalan air yang dibangkitkan oleh pertubuhan

bukan kerajaan (NGO) tidak bertanggungjawab seperti Persatuan Pembayar Cukai Kedah yang kononnya kadar air dan pengurusan air yang diswastakan akan menyebabkan rakyat menanggung beban. Inilah yang dipanggil

"mentality

sympton-and cause" iaitu tidak memahami proses, perjalanan, prosedur dan tindakan sebenarnya sehingga pihak yang kurang arif membuat persepsi dan andaian yang menyimpang.

Semua perkara ini sebenarnya dalam proses rundingan dan tidak nampak kepimpinan yang ada sanggup menindas atau menzalimi rakyat. Inilah yang dikatakan mentaliti pembangunan ala Melayu, yang suka mendengar dan membuat andaian tanpa mampu memahami proses dan kedudukan yang sebenarnya.

Adakah kalangan itu mahukan pepatah 'menang sorak kampung tergadai' menjadi kenyataan? Apa salahnya Kedah yang selama ini pendapatannya disumbang melalui kegiatan pertanian dipelbagaikan sumbernya supaya hasilnya dinikmati dan diagihkan secara bersama.

Saya tidak nampak salahnya, barangkali mereka yang membuat pelbagai tuduhan adalah golongan yang kecewa kerana hasrat mereka untuk mendapat keuntungan secara 'kendiri' menerusi pembangunan itu. Inilah aliran masyarakat khususnya kaum Melayu yang suka mengikut amarah dan sentimen emosi tanpa berfikir panjang.

Hanya kerana kemahuan golongan yang sedikit tidak diikuti lalu dicanangkan kononnya bantahan mereka mewakili keseluruhan rakyat Kedah. Saya berharap persepsi, sikap dan tindakan sebegini wajar diubah kerana kita memasuki gerbang perubahan, memerlukan kerja keras.

Inilah antara dilema dan sikap bangsa Melayu yang rela melihat bangsa sendiri terus mundur asalkan agenda atau niat tersirat mereka mencapai kejayaan.

Dalam budaya Melayu dominan seperti yang disentuh oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penilaian negatif seperti inilah yang diulas secara panjang lebar sehingga beliau mengklasifikasikan ia sebagai Dilema Melayu Baru.

Golongan yang tidak bersetuju dengan kemajuan dan kemampuan Syed Razak membangunkan Kedah hanyalah segelintir pemimpin yang ingin menjadi menteri besar. Kenapa harus dicemburui kemampuan beliau, jika dengan kerja keras, Kedah mula berubah?

Suatu masa dulu ketika diangkat menjadi menteri besar, beliau dipertikaikan mengenai latar akademik dan wibawa beliau. Tidak ada seorang pun memuji beliau walaupun pendekatan beliau menyebabkan ramai golongan profesional dan cerdik pandai berkelulusan PhD sanggup bekerja dengan beliau.

Sama juga tanggapan tentang kemampuan beliau dalam mengemudi Umno Kedah, kononnya wujud persepsi khususnya dari orang berkepentingan sendiri yang hanya berlegar di 'coffe-house' di Kuala Lumpur, bahawa Umno Kedah lemah.

Sedangkan hakikat sebenarnya, Umno Kedah jika diadakan pilihan raya umum bila-bila masa sudah bersedia dari segi jentera, persiapan bilik gerakan, pengisian program yang berterusan dan komitmen serta semangat juang ahli. Inilah bezanya pandangan yang berasaskan 'cakap dengar' dan 'kajian padang'.

Kepada golongan berkenaan, saya nasihatkan turunlah sendiri ke Kedah, dapatkan sebenar apa yang berlaku dan teliti dengan pancaindera sendiri akan limpahan rahmat dan kemakmuran ekonomi yang sedang meniti di Kedah.

Tidak ada gunanya melabelkan kepimpinan Syed Razak lemah sedangkan mereka yang punyai kelebihan dan kepakaran tidak mahu saling membantu mengukuhkan atau memperbaiki apa juga kelemahan yang ada. Inilah yang seharusnya berlaku.

Jika bangsa lain mampu mewujudkan 'Chinatown' di seluruh dunia kenapa bangsa Melayu yang terkenal dengan adab sopan, berbudi bahasa dan semangat gotong royong mempunyai rasa iri hati yang merosakkan. Sanggupkah

melihat

bangsa sendiri, kawan dan kepimpinan yang sudah cukup baik diremehkan dengan pelbagai andaian atau sanggupkah menuding jari mencari kesilapan sedangkan mereka sendiri tidak pernah mengusulkan bentuk penyelesaian praktikal.

Justeru, seluruh rakyat Kedah seharusnya memberi Syed Razak peluang untuk membuktikan wibawa dan kebolehan beliau yang secara umumnya sudahpun

terbukti. Sama-samalah kita berganding bahu demi memastikan agenda Kedah maju 2010 dapat dicapai kerana kemajuan itu bukanlah untuk beliau secara individu tetapi bertujuan mengangkat darjat dan martabat rakyat dan negeri

Kedah seluruhnya.

SATRIA WAJA,

Alor Star, Kedah.